

PENGARUH FAKTOR TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI TERHADAP KUALITI HIDUP DALAM KALANGAN BELIA

Syazwana Aziz

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

Noraini Abdol Raop

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

Muhammad Fadzil Ahmad Shukor

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

Corresponding Author's Email: syazwana@kuim.edu.my

Article history:

Received : 18 June 2021

Accepted : 13 August 2021

Published : 10 September 2021

ABSTRAK

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) boleh memberi kesan positif dan negatif terhadap kualiti hidup dalam golongan belia. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti kajian konsep berdasarkan kajian-kajian lepas bagi pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi (media massa dan media sosial) terhadap kualiti hidup bagi golongan belia yang berumur 16 tahun sehingga 40 tahun. Kajian konsep ini mendapati terdapat dua kesan iaitu kelebihan dan kekurangan yang timbul kepada kualiti hidup belia dalam penggunaan ICT. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, penggunaan media massa dan media sosial dapat membantu golongan belia untuk meningkatkan kualiti hidup dengan menambahkan ilmu dan kemahiran yang pelbagai. Selain itu, keberkesanan penggunaan ICT dapat membantu golongan belia yang bekerja untuk bekerja dengan lebih produktif kerana penyampaian maklumat lebih berkesan dan sistem maklumat yang lebih teratur. Melalui penggunaan media sosial, membantu golongan belia ini mengenali nilai persahabatan dengan lebih meluas tanpa mengira sempadan dan sekaligus membantu meningkatkan kemahiran sosialisasi yang lebih baik. Namun, penggunaan ICT yang disalahgunakan menyebabkan golongan belia ini menjadi ketagihan dengan penggunaan internet, keseronokkan yang melampau, menyebabkan gangguan kepada psikologi manusia dan menyebarkan maklumat yang salah boleh menyebabkan seseorang itu mengabaikan tanggungjawab serta menimbulkan ketidakharmonian dalam masyarakat yang boleh menjejaskan kualiti hidup yang tidak sejahtera.

Kata Kunci: Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Kualiti Hidup, Belia

THE INFLUENCE OF INFORMATION COMMUNICATION AND TECHNOLOGY FACTORS ON THE QUALITY OF LIFE AMONG YOUTH GENERATION

ABSTRACT

The use of information and communication technology (ICT) can have both positive and negative effects on the quality of life among youths. The purpose of this study is to examine the conceptual study based on previous studies on the influence of information and communication technology (mass media and social media) on the quality of life for youth aged 16 to 40 years. This concept study found that there are two effects, namely the advantages and disadvantages that arise to the quality of life of youth in the use of ICT. Based on the information obtained, the use of mass media and social media can help youths to improve their quality of life by adding various knowledge and skills. In addition, the effective use of ICT can help working youths to work more productively because of more effective information delivery and more organized information systems. Through the use of social media, helping these youths to recognize the value of friendship more widely regardless of borders and at the same time help improve better socialization skills. However, the misused use of ICT causes these youths to become addicted to the use of the internet, extreme pleasure, disruption to human psychology and spreading false information can cause a person to neglect responsibilities and create disharmony in society that can affect the quality of life.

Keywords: *Information And Communication Technology, Quality Of Life, Youth*

PENGENALAN

Pada masa kini, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah berkembang seiring dengan peredaran masa dan ianya telah menguasai global ini secara berleluasa. Hampir setiap saat orang menggunakan teknologi ini dan dengan teknologi jugalah yang membolehkan kita untuk menguasai dan mengawal hampir setiap perkara di hujung jari sahaja (A. Razak Ahmad, 2011). Penggunaan alat-alat teknologi komunikasi seperti telefon bimbit, komputer dan *tablet* adalah suatu perkara yang biasa digunakan pada hari ini khususnya dalam kalangan belia. Kebanyakan pengguna teknologi komunikasi pada masa kini dipelopori oleh golongan belia kerana mereka adalah kumpulan masyarakat yang paling peka terhadap perubahan trend terkini.

Menurut Mashitah et al. (2000) menyatakan suatu keperluan asas yang harus dimiliki oleh kumpulan belia ialah mempunyai pengetahuan dan ICT yang tidak terhad serta membina budaya pemikiran yang kritis dan kreatif. Kenyataan ini disokong oleh Musa (2008) menyatakan golongan belia mestilah mempunyai latar belakang asas berkaitan teknologi komunikasi disamping aspek lain. Tujuannya ialah bagi memastikan negara berkemampuan menghadapi cabaran

globalisasi serta menjana pertumbuhan ekonomi dengan lebih baik dengan mewujudkan asas sumber manusia dinamik, kreatif, inovatif dan proaktif. Kesannya, dari aspek pengetahuan, kepakaran, dan kemahiran dalam bidang teknologi yang tinggi akan membekalkan lebih ramai tenaga kerja yang berpotensi. Maka, sejak perkembangan teknologi komunikasi ini telah mengambil alih kehidupan kita dalam kebanyakan sesebuah Negara (Thierry et al., 2013).

Dalam situasi masa kini, peranan ICT dilihat amat penting dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat (Ribka, 2015). Dunia tanpa sempadan yang wujud masa kini merupakan impak daripada perkembangan media baharu dalam perhubungan di alam maya yang tidak dapat dielak kerana kebebasan persaingan teknologi komunikasi. Menurut Leung & Lee (2005) menyatakan ledakan teknologi komunikasi yang pesat membangun telah memberi peluang yang luas dalam meningkatkan kualiti hidup. Kualiti hidup merupakan satu tahap kesejahteraan dan keselesaan hidup yang diperolehi oleh seseorang (Kamaruddin & Mubin, 2012). Ianya tidak boleh diukur kerana perubahan berlaku mengikut situasi persekitaran yang hendak dinilai. Dalam meningkatkan perubahan kehidupan manusia itu garis panduan terhadap kualiti hidup perlulah disusun secara teratur (William & Haris, 2013).

Fungsi teknologi bukan sahaja digunakan untuk memudahkan kerja manusia, malah lebih dari itu, teknologi juga telah mempengaruhi cara bagaimana manusia berkomunikasi (Wan Idros et al., 2017). Penggunaan teknologi untuk berkomunikasi juga telah meluaskan konteks berkomunikasi kerana proses komunikasi bukan sahaja berlaku antara manusia dengan manusia, tetapi antara manusia dengan mesin (teknologi) dan juga mesin dengan mesin. (Rogers 1991; Forouzan & Fegan, 2003). Kecanggihan teknologi pada masa kini menjadikan aktiviti arah kerja seseorang itu menjadi lebih mudah dan efektif. Ianya disokong dengan kajian daripada Farhad Nejadirani et al. (2011) mendapati teknologi maklumat membantu mereka untuk melaksanakan kerja dengan lebih mudah, cepat dan berkesan.

Menurut Mohd Zaidi Aziz (2002) menyatakan di zaman moden masa kini, seiring dengan perkembangan teknologi komunikasi memerlukan individu yang menguasai ilmu teknologi maklumat dan komunikasi. Golongan belia merupakan aset negara yang bakal mewarisi pucuk pimpinan negara pada masa depan. Menurut kepada statistik yang telah dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia menunjukkan pada tahun 2019 daripada 33.4 juta penduduk Malaysia, seramai 14.9 juta orang adalah kumpulan belia. Di Malaysia, golongan belia dikategorikan dalam lingkungan umur antara 16 hingga 40 tahun. Kategori ini tampak jelas peranan golongan belia sebagai suatu aset yang akan membangunkan negara daripada aspek ekonomi, sosial dan politik. Setiap belia perlu memiliki "*think capacity*" atau kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis.

Kehidupan belia zaman kini keseluruhannya berubah sejak kewujudan teknologi komunikasi yang pantas berkembang dan ianya memudahkan golongan ini untuk melakukan kerja mengikut bidang keperluan masing-masing. Mereka semakin bijak menggunakan peluang dan ruang yang ada untuk berkomunikasi dengan orang lain secara fizikal ataupun secara maya. Tidak harus dilupakan,

contoh individu terdekat iaitu Mark Zuckerberg di dalam usia belia dan muda yang mampu membina aplikasi tersohor iaitu *Facebook* ketika beliau masih menuntut di Universiti Harvard lagi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sebagai belia mampu mencipta sesuatu baharu malah *Facebook* menjadi antara media sosial utama digunakan di seluruh dunia (*The Guardian, A Brief History of Facebook* 2007). Maka, kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji secara konseptual impak teknologi maklumat dan komunikasi terhadap kualiti hidup dalam kalangan golongan belia.

FAKTOR KUALITI HIDUP DALAM KALANGAN BELIA

Menjadi impian semua manusia yang hidup di muka bumi ini untuk meningkatkan tahap kualiti hidup masing-masing. Hal ini tidak terkecuali kepada golongan belia terutamanya bagi yang sudah bekerja atau berkahwin. Mereka merupakan sekumpulan penduduk yang mampu mempengaruhi masa depan sesebuah negara. Oleh itu, adalah wajar untuk memberi perhatian terhadap peningkatan kualiti hidup belia yang seterusnya akan meningkatkan tahap kesejahteraan dan kegembiraan mereka. Belia yang memiliki kualiti hidup yang tinggi akan mampu memberi sumbangan yang baik kepada negara terutamanya dari segi penglibatan kerja mereka yang akhirnya boleh menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara. Bukan itu sahaja, malah terdapat pelbagai kelebihan lain yang dapat disumbangkan oleh belia sekiranya mereka memiliki kualiti hidup yang tinggi termasuklah pengurangan dari segi penglibatan terhadap kes-kes jenayah.

Kajian mengenai kualiti hidup telah mendapat perhatian oleh pelbagai tokoh daripada pelbagai disiplin ilmu. Antaranya ialah psikologi, perubatan, ekonomi, sains persekitaran dan sosiologi (Zaimah et al. 2012; Nik Fakhruhzari et al. 2016). Kualiti hidup merupakan pernyataan umum yang merujuk kepada kesejahteraan atau ketidaksejahteraan masyarakat dalam persekitaran kehidupan mereka (Bubolz et al. 1980; Zaimah et al. 2012). Kualiti hidup juga dilihat sebagai kehidupan seseorang yang baik dan memiliki kualiti yang tinggi (Ventegodt et al. 2003; Nik Fakhruhzari et al., 2016). Selain itu, Goldsmith (2005) mendefinisikan kualiti hidup sebagai persepsi individu terhadap kepuasan ke atas keadaan, persekitaran dan hubungan antara manusia (Zaimah et al., 2012). Konsep kualiti hidup turut dilihat kepada sejauhmana manusia dapat memenuhi keperluannya termasuklah keperluan asas untuk hidup seperti sara hidup, reproduktif serta keselamatan dan pengukuran itu dilakukan secara objektif dan subjektif (Constanza et al., 2007).

Tahap kualiti hidup di Malaysia telah diukur menggunakan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) sebelum dinaiktaraf kepada Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) pada tahun 2012 (Unit Perancang Ekonomi, 2013). IKHM sebelum ini telah digunakan sebagai petunjuk utama dalam mengira tahap sosio ekonomi penduduk di Malaysia. Terdapat pelbagai komponen yang menjadi tumpuan kerajaan dalam mengukur kualiti hidup yang dicapai oleh rakyat Malaysia iaitu pendidikan, pengangkutan dan komunikasi, perumahan, kebudayaan, pendapatan, keselamatan awam, kesihatan, penyertaan sosial, alam

sekitar, kehidupan keluarga dan persekitaran kerja (Unit Perancang Ekonomi, 2011). Setiap komponen ini memiliki beberapa indikator yang menjadi petunjuk kepada kualiti kehidupan masyarakat. Sebagai contoh, dalam komponen pengangkutan dan komunikasi, indikatornya adalah kereta dan motosikal persendirian, telefon talian tetap dan mudah alih, pelanggan internet termasuk jalur lebar dan Indeks Pembangunan Jalan Raya.

Sungguhpun IKHM dilihat mempunyai kelebihan dari segi mengukur pembangunan dari pelbagai dimensi, namun indeks ini tetap mempunyai kekangan-kekangan yang tertentu. Menurut Haryati & Nurasyikin (2011), penggunaan IKHM mempunyai kekangan dari segi perolehan data dan masalah dalam penyelarasan pemilihan indeks, pemilihan penunjuk, penunjuk subjektif serta ketetapan dan perbandingan. Oleh sebab itu, indeks ini telah dinaiktaraf kepada IKRM bagi memastikan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat dapat diukur dengan lebih menyeluruh. IKRM dibangunkan sebagai indeks komposit yang terdiri daripada dua indeks sub komposit iaitu kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Pencapaian kesejahteraan dari perspektif ekonomi dan sosial memberikan kesan yang berbeza dan perlu diukur secara berasingan (Ummi Munirah et al., 2016). Indeks sub-komposit kesejahteraan ekonomi mengandungi lima komponen iaitu pengangkutan, komunikasi, pendidikan, persekitaran kerja serta pendapatan dan pengagihan. Manakala, indeks kesejahteraan sosial pula terdiri daripada perumahan, liburan, tadbir urus, keselamatan awam, penyertaan sosial, kebudayaan, kesihatan, alam sekitar dan keluarga (Unit Perancang Ekonomi, 2013).

Kualiti hidup sememangnya boleh memberikan kesan kepada kehidupan seseorang termasuklah belia. Kebanyakan pengkaji tempatan melihat faktor-faktor demografi seperti jantina, lokasi dan kejiranan boleh mempengaruhi kualiti hidup seseorang. Habibah dan Punitha (2012) menyatakan bahawa perbezaan jantina boleh memberi kesan kepada kelestarian penduduk terutamanya dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar. Mohamad Shahrudin et al. (2012) pula mendapati faktor lokasi sama ada kawasan bandar atau bukan bandar boleh mempengaruhi kualiti hidup penduduk melalui aspek ekonomi, kualiti perumahan, keharmonian sosial dan alam sekitar. Faktor kejiranan dalam sesebuah penempatan serta hubungan kekeluargaan turut dilihat sebagai faktor penyumbang kepada kualiti hidup masyarakat (Mohd Yusof et al., 2011)

Faktor-faktor yang hampir sama juga turut dikaji oleh Yazid et al. (2020) dengan memfokuskan kepada beberapa faktor utama seperti jantina, etnik dan lokasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kualiti hidup berdasarkan jantina. Namun dari segi etnik, wujud perbezaan kualiti hidup berdasarkan empat kumpulan etnik yang dikaji iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Manakala dari segi lokasi pula, hasil keputusan turut menunjukkan perbezaan kualiti hidup berdasarkan tiga mukim yang berbeza iaitu Slim, Hulu Bernam Timur dan Hulu Bernam Barat. Penemuan hasil kajian tersebut telah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan jurang dari segi konteks kualiti hidup dalam kalangan penduduk yang dikaji. Oleh itu, semua pihak yang bertanggungjawab diseru untuk terlibat bagi mengurangkan jurang yang wujud di kawasan tersebut bagi memastikan kualiti hidup mereka dapat ditingkatkan.

Menurut Zaimah et al. (2012), antara faktor yang boleh mempengaruhi kehidupan belia adalah pendapatan bulanan, tahap pendidikan, pemilikan rumah dan pemilikan produk kewangan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pendapatan bulanan responden secara puratanya berada dalam lingkungan 40 peratus pendapatan kelas pertengahan negara. Kebanyakan responden mempunyai tahap pendidikan peringkat ijazah. Namun, tidak sampai separuh daripada mereka yang memiliki rumah sendiri. Walau bagaimanapun, responden memiliki pelbagai produk kewangan seperti simpanan biasa, kecemasan, persaraan dan insurans. Secara keseluruhannya, responden mempunyai tahap kepuasan kewangan yang sederhana memandangkan situasi kewangan mereka juga berada dalam keadaan yang sederhana.

Nurul Hidayati et al. (2015) telah mengkaji berkenaan pengaruh aktiviti masa senggang terhadap kualiti hidup belia. Hasil daripada Laporan Skor Indeks Belia Malaysia 2015 menunjukkan bahawa belia Malaysia telah menghabiskan masa senggang dalam keadaan yang memuaskan dengan skor 81.02 peratus. Keputusan tersebut menunjukkan bahawa belia Malaysia telah memanfaatkan masa senggang mereka dengan melakukan aktiviti yang dapat memberikan kegembiraan dan kepuasan kepada diri sendiri. Namun begitu, timbul persoalan sejauhmanakah pengisian masa senggang belia tersebut dapat meningkatkan kualiti hidup mereka? Hal ini kerana, perlaksanaan aktiviti masa senggang yang berfaedah dapat memperkasakan modal insan golongan belia. Pengisian masa senggang yang bersifat keseronokkan jangka pendek tidak dapat menyumbang kepada kualiti hidup yang memuaskan. Sebaliknya, aktiviti masa senggang yang melibatkan keseimbangan dan kesejahteraan fizikal, psikologi dan spiritual dapat meningkatkan kehidupan yang lebih berkualiti.

Terdapat juga kajian yang melihat kepada kos sara hidup belia sebagai faktor kepada peningkatan mahupun penurunan kualiti hidup. Mastura & Zakariah (2014) menunjukkan perbelanjaan belia tertumpu kepada pembelian barang keperluan. Belia yang sudah berkahwin lebih banyak berbelanja kepada barangan keperluan isi rumah, manakala belia berstatus bujang lebih tertumpu kepada perbelanjaan pengurusan diri dan keperluan peribadi. Namun begitu, dalam kajian Shariffah Mamat (2014) mendapati hampir 90 peratus belia mengamalkan corak perbelanjaan yang melebihi daripada pendapatan yang dimilikinya. Keadaan ini mencetuskan situasi membimbangkan kerana faktor pengurusan kewangan yang kurang bijak boleh mengakibatkan kualiti hidup belia terjejas.

Selain kos sara hidup, tren perbelanjaan belia turut dikaitkan dengan kualiti hidup mereka. Secara umumnya, tren perbelanjaan belia lebih menjurus kepada pembelian makanan, perbelanjaan pengangkutan, penggunaan perkhidmatan telefon bimbit dan gajet, selain daripada aktiviti riadah dan hiburan (Siti Rosnita & Khalijah 2014; Mohamad Idham et al. 2014; Nik Fakrulhazri et al. 2016). Senario ini turut dikongsi oleh belia di luar negara (Peterson, 2015). Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Nik Fakrulhazri et al. (2016) mendapati bahawa perbelanjaan belia di kawasan kajian iaitu di Pantai Timur lebih memberi tumpuan kepada 1) makanan, 2) pendidikan, 3) pengangkutan, 4) pakaian dan terakhir, 5) bil telefon. Kajian beliau turut mendapati secara puratanya

perbelanjaan belia adalah lebih tinggi berbanding jumlah pendapatan yang diterima. Selain itu, hasil analisis korelasi menunjukkan jumlah pendapatan belia mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan skor kualiti hidup. Keadaan ini merupakan senario normal di mana apabila pendapatan meningkat, kualiti hidup juga akan meningkat. Begitu juga dengan sebaliknya.

Jika dilihat daripada kesemua faktor-faktor kualiti hidup yang dikongsikan, dapatlah diketahui bahawa selain daripada komponen-komponen yang dinyatakan dalam IKHM dan IKRM, terdapat juga faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi kualiti hidup seseorang terutamanya belia termasuklah faktor demografi dan faktor penggunaan teknologi komunikasi. Setiap faktor ini memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan peningkatan mahupun penurunan kualiti hidup belia sama ada secara langsung atau tidak langsung. Bukan itu sahaja, pengabaian terhadap faktor-faktor kualiti hidup ini boleh mengakibatkan belia merasa tidak gembira dengan kehidupan yang dilalui mereka yang seterusnya boleh memberikan impak yang lebih besar terutamanya yang melibatkan masalah kesihatan mental.

FAKTOR KOMUNIKASI DALAM KALANGAN BELIA

Kajian lepas banyak membuktikan bahawa teknologi maklumat telah mempengaruhi dan memberi kesan terhadap kepercayaan, sikap dan tingkah laku belia. Dalam kajian yang dilakukan oleh Christenson & Roberts (1998); Comstock & Paik (1991); Roberts (1999) melaporkan betapa pentingnya peranan media sebagai agen sosialisasi sama seperti agen-agen sosialisasi yang lain seperti institusi kekeluargaan, sekolah, keagamaan dan masyarakat. Kewujudan kepelbagaian kandungan dan bentuk teknologi maklumat yang dipaparkan menunjukkan bahawa pengaruh teknologi maklumat dalam membentuk personaliti belia (Mohamad Ibrani et al. 2010).

Kewujudan teknologi komunikasi tanpa wayar seperti telefon pintar bukanlah sesuatu perkara yang asing bagi masyarakat kita. Kecanggihan telefon pintar mampu memproses pelbagai maklumat dengan cepat, pantas dan mudah difahami. Golongan belia paling banyak menggunakan telefon pintar kerana ciri unik seperti akses internet, jaringan sosial, permainan, mesej dan video serta pelbagai aplikasi multimedia (Norbaidurah et al., 2018). Kajian yang dilakukan di Malaysia menyatakan belia menghabiskan masa dengan menggunakan teknologi komunikasi sehingga tujuh jam dalam sehari. Menurut Rice (2015) menyatakan ketagihan terhadap penggunaan media sosial itu bermaksud kecenderungan kompulsif terhadap penggunaan internet dan laman sosial yang mengganggu keupayaan seseorang untuk menjalani kehidupan normal. Tanpa disadari aktiviti dan rutin harian boleh terganggu disebabkan ketagihan ini dan akan menjejaskan produktiviti. Jelas menunjukkan bahawa disebalik kebaikan dan keperluan telefon pintar dalam kehidupan seharian, kajian mendapati belia yang menggunakan peranti ini tanpa kawalan dan secara berlebihan membawa kepada ketagihan. Hal ini disokong oleh kajian yang dilakukan Al-Barashdi et al. (2016) menyatakan penggunaan telefon pintar yang tidak dikawal dan berlebihan

boleh mengundang kepada masalah kesihatan awam (Peraman & Parasuraman 2016: WHO 2015) serta menjadi punca masalah kesihatan fizikal.

Kebiasannya telefon pintar dijadikan sebagai alat untuk berinteraksi dengan orang lain oleh pengguna di laman sosial. Pengguna berkomunikasi secara bertulis di laman sosial kerana ketidakupayaan pengguna untuk berhubung secara lisan. Pengguna aplikasi *Facebook* lebih suka mengekalkan hubungan dengan cara komunikasi ini (Elisson et al. 2007). Menurut Boyd (2008) berpendapat kaedah komunikasi ini lebih mesra berbanding komunikasi secara bersemuka. Terdapat beberapa kajian mendapati perkaitan yang positif antara keengganan berinteraksi secara bersua muka dengan pengguna media, televisyen, radio dan rangkaian sosial lain (Leung 2007; Papacharissi & Rubin 2000). Dengan kata mudah, orang yang selalu menggunakan media sosial sebagai medium untuk berkomunikasi dengan pengguna lain mengalami kesukaran untuk berkomunikasi secara depan kerana mereka perlu berjaga-jaga dalam penggunaan bahasa dan gerak-geri serta nada suara yang akan disampaikan.

Hasil kajian beberapa pengkaji tempatan mendapati penggunaan media sosial oleh golongan yang taksub menggunakannya berisiko untuk terjerumus kepada perubahan sikap masalah keruntuhan akhlak kerana lalai dengan pelbagai aplikasi sosial yang menghidangkan hiburan melampau, melayari laman lucah yang akhirnya membawa kepada peningkatan perbuatan zina dan maksiat, sumbang mahram, ponteng sekolah dan mengabaikan tanggungjawab sebagai remaja, anak dan pelajar (Nor Azah, 2009; Mohd Dahlan & Ida Safinaz, 2010; Khatijah et al. 2012; Wan Norina et al. 2013). Situasi ini seolah-olah dilihat sebagai satu perkara yang amat menakutkan kerana golongan belia ini lah yang bakal menjadi pewaris kepada pucuk kepimpinan pada masa hadapan. Kehidupan mereka akan hancur dan pastinya memberi kesan kepada kualiti hidup dan masa hadapan mereka. Kajian oleh Cline (2008); Nor Azah & Che Zarina (2011); Syed Shah Alam (2014) melaporkan kemudahan teknologi komunikasi ini telah disalahgunakan oleh golongan belia yang tidak bermoral dengan mengakses internet dan laman sosial lucah. Kebiasaannya golongan lelaki dalam kategori belia ini mempunyai kemahiran menggunakan internet dan kerap melayari laman pornografi sehingga membawa mereka untuk melakukan hubungan seksual dengan pasangan, teman dan juga menjadi punca berlakunya peningkatan kes sumbang mahram dan kes pembuangan bayi yang semakin kritikal di negara Malaysia.

Hasrat kerajaan melahirkan golongan belia yang berkualiti melalui anjakan transformasi nasional di masa depan yang bersifat holistik dan menekankan kepada penguasaan mereka menggunakan teknologi komunikasi dan maklumat, laman sosial serta kemudahan internet, namun demikian kemudahan ini telah disalahgunakan oleh golongan remaja dengan mengakses maklumat dan menggunakannya kearah negatif. Penggunaan media sosial yang terlalu kerap akan memberikan implikasi yang buruk kepada golongan belia sekaligus memberi kesan kepada aspek kualiti hidup. Menurut Zaimah et al. (2012) menyatakan dalam memastikan peningkatan tahap kualiti hidup dan kesejahteraan menjadi objektif utama setiap individu, khususnya golongan belia kerana mereka inilah yang berpotensi mempengaruhi masa depan sesebuah

negara. Sikap alpa golongan belia kepada kemudahan teknologi komunikasi ini akan membantutkan harapan negara bagi melahirkan pewaris pemimpin yang memiliki personaliti yang unggul dan berkualiti di masa hadapan. Justeru itu, faktor penggunaan teknologi komunikasi masa kini harus diambil kira dalam usaha meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan belia masa kini.

PENGARUH TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI TERHADAP KUALITI HIDUP DALAM KALANGAN BELIA

Berdasarkan penerangan tentang teknologi maklumat dan komunikasi serta kualiti hidup belia yang telah dibincangkan, terdapat kajian-kajian lepas yang diperolehi menjelaskan pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi dengan kualiti hidup dalam kalangan golongan belia. Dapatan kajian lepas berkaitan ICT yang digunapakai daripada komputer, telefon pintar dan tablet yang memberi pelbagai maklumat turut memberi kesan yang positif dan negatif kepada kualiti hidup golongan belia khususnya yang berumur 16 tahun sehingga 40 tahun. Kualiti hidup merujuk kepada persepsi individu terhadap kepuasan kepada persekitaran, keadaan dan berkait rapat dengan kepuasan terhadap keluarga, rakan, tempat tinggal, pendapatan dan kejranaan (Goldsmith, 2005). Kualiti hidup juga turut dinilai berdasarkan menjalani kehidupan dengan baik (Ventegodt et al. 2003).

Kesan positif yang diperolehi daripada kajian lepas berkaitan dengan pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi dengan kualiti hidup dalam kalangan belia dinyatakan dalam kajian Sohana (2016) yang mendapati penggunaan teknologi komunikasi seperti internet dan telefon bimbit dapat membantu seseorang itu untuk mendapatkan pelbagai maklumat samada dalam dan luar negara serta kesannya komunikasi dua hala boleh meningkatkan kualiti hidup seseorang yang lebih baik. Kajian ini disokong oleh Marsch, Bickel & Badger (2006) yang mendapati penggunaan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) telefon bimbit merupakan satu kos yang efektif bagi golongan belia dan memudahkan mereka untuk mengakses pelbagai maklumat. Kualiti hidup yang baik adalah apabila seseorang itu mampu untuk meningkatkan kemajuan diri, memiliki ekonomi yang baik, dan mempunyai kebebasan mendapatkan pengetahuan adalah penting untuk kesejahteraan seseorang individu (Bubolz et al., 1980: Unit Perancang Ekonomi, 2004) Berpandukan teknologi komunikasi yang digunakan sebagai perantara untuk mengakses pelbagai maklumat mampu menjadikan seseorang itu berpengetahuan, mendapat komunikasi dua hala yang baik, kestabilan ekonomi yang efektif dan meningkatkan kualiti hidup seorang ke arah yang lebih sejahtera.

Selain itu, kajian lepas juga mendapati ICT mempengaruhi kepada kualiti hidup dalam kalangan belia yang lebih baik dari sudut sektor pekerjaan. Misalnya kajian yang dijalankan oleh Joshi et al. (2013) yang mendapati teknologi maklumat dan komunikasi menyumbang kepada peningkatan sosial dan ekonomi seperti pekerjaan dan produktiviti yang lebih tinggi serta mampu untuk meningkatkan kualiti hidup yang lebih tinggi. Menurut mereka lagi, kelebihan ICT yang menggabungkan teknologi komputer dan teknik elektronik dapat

digunakan dengan baik untuk menguruskan maklumat serta pengetahuan seperti menghasilkan maklumat, menyimpan maklumat, menyebarkan maklumat dan bertukar maklumat. Kenyataan ini turut disokong oleh Faiza (2019) iaitu golongan belia yang mampu meningkatkan kemahiran dalam penggunaan ICT dapat membantu mereka untuk mengekalkan perniagaan yang dijalankan malah mempunyai pandangan positif untuk masa depan. Perkara ini selaras dengan nilai kualiti hidup yang dilihat kepada perspektif ekonomi yang baik (Bubolz et al., 1980). Kebolehan golongan belia dalam mengakses ICT adalah perkara penting kerana belia yang bersemangat dalam melakukan pekerjaan akan menghasilkan produk yang berkualiti dan mampu meningkatkan pendapatan organisasi, diri, keluarga serta negara yang lebih baik. Meningkatkan tahap kualiti hidup menjadi matlamat utama bagi golongan belia yang telah bekerja dan berkahwin, malah mereka adalah sekumpulan penduduk yang berpotensi mempengaruhi masa depan sesebuah negara (Zaimah et al., 2012).

Kelebihan teknologi komunikasi turut mempunyai hubungan dengan kualiti hidup dalam peningkatan gaya bersosial yang lebih positif. Kajian yang dilakukan Siti Ezaleiza (2016) mendapati, golongan belia yang berusia 18 tahun hingga 25 tahun bersetuju bahawa melalui rangkaian sosial boleh meningkatkan rangkaian persahabatan dalam talian yang boleh mengembangkan rangkaian sosial. Media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Telegram*, dan *Skype* boleh membantu golongan belia ini berkongsi maklumat yang berguna, melakukan pemikiran yang sihat dan belia boleh berkongsi aktiviti yang dilakukan melalui rangkaian sosial yang dibina dalam talian (Faiza, 2019). Malahan, apabila nilai persahabatan telah berkembang, persahabatan tersebut akan disusuli dengan media yang lain iaitu (pesanan segera dalam telefon) (Yang et al., 2013). Persahabatan yang telah berkembang ini turut diteliti dengan lebih baik untuk mendapatkan persahabatan yang positif dalam konteks hubungan sosial mereka dan meningkatkan nilai kepercayaan dalam persahabatan (Nardi et al., 2002). Dapatan kajian ini menunjukkan melalui teknologi komunikasi ini dapat membina persahabatan dalam media sosial tanpa sempadan untuk berkongsi maklumat sekaligus dapat meningkatkan kualiti hidup bersosial dengan lebih positif jika memiliki persahabatan yang boleh dipercayai.

Manakala kajian menunjukkan impak negatif teknologi maklumat dan komunikasi terhadap golongan belia yang merangkumi pelajar universiti mahupun pelajar sekolah iaitu golongan belia yang berumur 16 tahun sehingga 25 tahun. Menurut Holden (2001), pelajar masa kini lebih gemar menghabiskan masa berjam-jam di hadapan komputer, semata-mata untuk mencari kepuasan diri dengan melayari internet. Kajian ini disokong oleh Choo et al. (2011) yang mendapati golongan pelajar universiti dan kolej berisiko untuk menghadapi masalah ketagihan internet jika tidak dikawal dalam penggunaan teknologi komunikasi. Kajian Young (1998) mendapati ketagihan internet dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) adalah sangat tinggi dan ketagihan internet yang berlebihan akan memberi impak negatif kepada diri sendiri, keluarga serta sosialisasi mereka. Golongan belia yang terdiri daripada golongan pelajar adalah golongan yang paling mudah untuk mempelajari dunia teknologi maklumat dan komunikasi. Kecekapan belia ini akan mendatangkan masalah jika penggunaan

teknologi komunikasi ini disalahgunakan kerana akan menjejaskan kualiti hidup dalam pelajaran mereka. Ketagihan internet menunjukkan menjadi penyebab kepada penurunan pencapaian akademik pelajar universiti (Awang Koding & Zunaidah, 2018). Kegagalan dalam pelajaran terhadap golongan belia ini akan memberi kesan negatif kepada perkembangan psikologi, pemilihan kerjaya yang tiada hala tuju dan golongan belia ini yang dianggap sebagai aset negara masa akan datang turut terjejas.

Pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi iaitu media sosial turut menunjukkan mempunyai hubungan dengan keseronokan yang melampau dan memberi kesan negatif kepada keharmonian dalam kehidupan (Muhammad Syazwan et al., 2019). Tambahan mereka lagi, ciri-ciri individu sudah ketagihan internet atau keseronokan dalam menggunakan internet adalah mereka yang sangat sensitif dengan setiap notifikasi yang masuk, jiwa gelisah jika tidak dapat mengakses media sosial, kekurangan masa bersama keluarga kerana sibuk melayari internet dan berlumba mengejar populariti yang akhirnya kesemua ciri-ciri ini menyebabkan individu tersebut mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap diri sendiri, keluarga dan tuntutan agama. Mungkin pada awalnya individu menggunakan internet untuk mencari bahan rujukan, namun berubah menjadi ketagih melayari laman web yang berunsurkan hiburan seperti youtube, facebook, instagram, permainan atas talian, menonton drama atas talian, dan bahkan pornografi (Awang Koding & Zunaidah, 2018). Selain itu, terdapat individu yang menyalahgunakan media sosial dengan menyebarkan fitnah yang ternyata bercanggah dengan hukum syarak agama (Amir et al., 2015). Dapatan ini, jelas menunjukkan pengaruh media sosial turut memberi kesan terhadap kurangnya kualiti hidup seperti menimbul keseronokan melampau menjadikan seseorang itu mengabaikan tanggungjawab dan menyebarkan maklumat tidak tepat yang menyebabkan keruntuhan jati diri individu (Nawi et al., 2012)

Kajian lepas turut mendapati pengaruh ICT yang memberi kesan negatif kepada kualiti hidup berkaitan ketidakselesaan dalam kehidupan iaitu golongan belia yang kerap menghabiskan masa melayari di laman sosial terdedah kepada penyakit murung, malahan ada yang lebih teruk iaitu mengundang kepada masalah tekanan jiwa memberi kesan kepada fungsi aktiviti dan rutin harian (Fu 2010; Johari & Raja Shahrina 2012; Che Su & Nan Zakiah 2014; Syed Shah Alam et al. 2014; Shapira et al. 2005; Pempek et al., 2009). Para pengkaji di abad ini mendapati golongan ini menghabiskan banyak masa dengan melayari internet terdedah dengan pelbagai masalah seperti masalah dalam menjalinkan hubungan dalam masyarakat, masalah sikap, masalah fizikal dan kesihatan, masalah psikologi (kesukaran mengawal emosi, kesukaran membuat keputusan) serta melemahkan kualiti kerja seseorang individu (Syed Shah Alam et al. 2014; Che Su & Nan Zakiah, 2014; Alzahrani & Bach, 2014). Kebergantungan terhadap penggunaan internet menyebabkan remaja tidak mampu mengembangkan potensi dan keyakinan diri untuk berinteraksi secara berdepan serta tidak mempunyai keinginan untuk bergaul dengan orang lain (Steinway, 2011).

SARANAN KAJIAN

Kajian berkenaan dengan pengaruh faktor teknologi dan komunikasi terhadap kualiti hidup belia merupakan kajian yang perlu dilakukan dengan lebih mendalam lebih-lebih lagi dalam situasi masa kini yang tidak dapat lari daripada kemajuan teknologi komunikasi sama ada di Malaysia mahupun di dunia. Belia masa kini juga sangat terdedah dengan pengaruh teknologi komunikasi. Jadi, bukan lagi satu perkara yang pelik jika seorang belia memiliki beberapa jenis gajet mahupun telefon pintar untuk kegunaan diri sendiri sahaja.

Penggunaan teknologi komunikasi juga telah banyak mengubah laluan kerjaya belia masa kini. Dari segi perniagaan, lebih ramai belia menceburkan diri dalam perniagaan secara dalam talian dengan menggunakan teknologi komunikasi sebagai medium jualan. Belia tidak perlu lagi mempunyai kedai fizikal, sebaliknya memadai dengan memiliki kedai secara maya. Selain itu, terdapat juga belia yang terlibat dalam pertandingan sukan dalam talian (*e-games*) yang dianjurkan oleh pelbagai pihak terutamanya dari luar negara. Malah, ada di antara mereka menjadikan sukan dalam talian sebagai kerjaya memandangkan tawaran hadiah kemenangan yang sangat lumayan.

Perubahan keadaan yang berlaku ini boleh mendatangkan pelbagai kesan kepada belia tidak kira sama ada kesan positif mahupun negatif. Kepesatan pembangunan teknologi komunikasi bukan sahaja boleh memberi kesan kepada kualiti hidup belia, malah turut memberi kesan kepada pembolehubah-pembolehubah yang lain seperti kegembiraan, kesejahteraan psikologi, pengertian hidup dan lain-lain lagi. Oleh itu, disarankan untuk kajian berkenaan pengaruh faktor teknologi komunikasi ini diperluaskan lagi dengan mengkaji pembolehubah lain yang berkaitan. Bukan itu sahaja, malah kajian berkenaan pengaruh faktor teknologi komunikasi terhadap kualiti hidup ini juga boleh diperluaskan lagi dengan melihat perbandingannya antara lokaliti iaitu belia yang tinggal di kawasan bandar dan belia yang tinggal di kawasan luar bandar. Selain itu, perbezaan etnik juga berkemungkinan menyumbang kepada keputusan yang berbeza memandangkan setiap etnik mempunyai kecenderungan terhadap teknologi komunikasi yang berbeza.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi telah mendatang dua impak iaitu kesan positif dan kesan negatif kepada kualiti hidup belia pada masa kini. Perbincangan berdasarkan kajian lepas mendapati pengaruh positif teknologi maklumat dan komunikasi terhadap kualiti hidup belia yang pertama adalah dapat meningkatkan ilmu pengetahuan golongan belia pada masa kini. Kemudahan teknologi ini telah membantu seseorang individu mendapat maklumat dengan pantas dan menjimat dengan hanya diujung jari. Dengan itu, ilmu-ilmu yang dikaji dapat menjadikan golongan belia meningkatkan kualiti hidup dengan membina masa depan yang positif melalui pengetahuan-pengetahuan yang diperolehi dari pelbagai sumber ICT. Selain itu, kelebihan teknologi ini membantu golongan belia yang bekerja untuk meningkatkan kualiti

kerja mereka. Melalui perhubungan teknologi ini membantu golongan pekerja berkongsi maklumat, menyebarkan maklumat dengan tepat, maklumat lebih teratur dan membantu mengekalkan sesuatu perniagaan ini dengan lebih konsisten. Kelebihan ini menjadikan golongan belia bekerja dengan produktif malah membantu meningkatkan ekonomi diri sendiri dan negara.

Seterusnya, teknologi ini membantu golongan untuk membina persahabatan dengan lebih meluas tanpa had sempadan untuk berkongsi pendapat dan dapat mengeratkan hubungan sosial yang lebih baik. Pada masa yang sama, dalam membina hubungan sosial ini golongan belia haruslah berhati-hati dan membina kepercayaan untuk mendapat nilai persahabatan yang lebih baik. Namun, terdapat beberapa pengaruh negatif terhadap kualiti hidup belia itu golongan belia iaitu pelajar universiti atau kolej yang ketagihan internet akan menyebabkan mereka lalai dan gagal mencapai pencapaian akademik yang baik yang boleh menjejaskan masa depan mereka. Keseronokan yang melampau terhadap penggunaan media sosial turut menjadikan seseorang itu mengabaikan tanggungjawab terhadap diri dan keluarga yang akhir menjadikan kualiti hidup tidak harmoni dalam sesebuah keluarga. Penyebaran maklumat paslu melalui media massa dan media sosial menjadikan seseorang individu tidak mempunyai jati diri yang sejahtera malah dipandang serong oleh masyarakat. Ke kerapn yang melampau turut memberi kesan negatif kepada psikologi manusia seperti tekanan jiwa yang boleh menjejaskan rutin harian mereka. Oleh demikian, pelbagai pihak perlu memainkan peranan agar penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ini diakses dengan cara yang betul dan dapat meningkatkan kualiti hidup golongan belia ini.

RUJUKAN

- A. Razak Ahmad. (2011). *Kepentingan Kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi*. <http://www.flashkitech.com/?p=501> .26 April 2021
- Al-Barashdi, H. S., Bouazza, A., Jabur, N. H. & Al-Zubaidi, A. S. (2016). Smartphone addiction reasons and solutions from the perspective of Sultan Qaboos university undergraduates: A Qualitative Study. *International Journal of Psychology & Behavior Analysis*, 2.
- Alzahrani, S. dan Bach, C. (2014). Impact of Social Media on Personality Development. *International Journal of Innovation and Scientific Research*, 3.
- Awang Koding Che Tom & Zunaidah Tohalib. (2018). Hubungan Antara Ketagihan Internet Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu. *Prosiding Konvensyen Kepengetuaan dan Felo Penghuni Kolej Kediaman Universiti Awam Kebangsaan 2018*.
- Bubolz, M. M., Eicher, J. B., Evers, S. J. & Sontag, M. S. (1980). A human ecological approach to quality of life: Conceptual framework and results of a preliminary study. *Social Indicator Research*, 7.
- Boyd, D. (2008). *Why Youth (Heart) Social Network Sites: The Role of Networked Publics in Teenage Social Life*. In D. Buckingham (Ed.), *Youth, Identity and Digital Media*. Cambridge: MA: MIT Press

- Christenson, P. G., dan Roberts, D. F. (1998). *It's Not Only Rock & Roll*. New Jersey: Hampton Press
- Comstock, G., dan Paik, H. (1991). *Television and the American Child*. New York: Academic Press.
- Costanza R., Fisher B., Ali S. (2007). Quality of life: An approach integrating opportunities, human needs and subjective well-being. *Ecological Economics*, 161.
- Ellison, N. B. (2007). Social Network Sites: Definition, History and Scholarship. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 13(2).
- Faiza Ahmadi. (2019). How Technology Impacts the Quality of Life of Young People. <https://tech.af/how-technology-impacts-the-quality-of-life-of-young-people-2/>. 29 April 2021
- Farhad Nejadirani, Reza Rasouli & Masoud Behraves. (2011). The effect of applying information technology on efficiency of parks and green space organization: a case study. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 10(2).
- Forouzan, B.A & Fegan, S.C. (2003). *Data Communication and Networking Edisi ke-4*. New York: McGraw-Hill
- Goldsmith, E. B. (2005). *Resource management for individuals and families*. 3rd Ed. United States: Thompson Wadsworth.
- Habibah, L. & Punitha, M. (2012). Amalan pengajaran pendidikan alam sekitar di Institut Pendidikan Guru, Kampus Pulau Pinang. *GEOGRAFIA Malaysia Journal of Society and Space*, 8(2).
- Holden, C. (2001). Behavioral addictions: Do they exist?. *Science Journal*. 94(554).
- Johari Hassan & Raja Shahrina Raja Abdul Rashid. (2012). Ketagihan Penggunaan Internet Di Kalangan Remaja Sekolah Tingkatan Empat Di Bandaraya Johor Bahru. *Journal of Technical, Vocational 7 Engineering Education*, 6.
- Joshi, A., Meza, J., Costa, S., Marcel, D., Perin, P., Trout, K. & Rayamajih A. (2013). The Role of Information and Communication Technology in Community Outreach, Academic and Research Collaboration, and Education and Support Services (IT-CARES). *Perspect Health Inf Manag*, 10.
- Katijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad, Noorhasliza Mohd Nordin. (2012). Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja. *Journal of Social Science and Humanities*, 7(1).
- Leung, L. and Lee, P.S.N. (2005). Multiple determinants of life quality: The roles of internet activities, use of new media, social support, and leisure activities. *Telematics and Informatics*, 22.
- Leung, R. dan Li, J. (2015). Using Social Media to Adress Asian Immigrants' Mental Health Needs: A Systematic Literature Review: *Journal of Nature and Science*, 1(40).
- Marsch, L.A., Bickel, K. & Badger, G. J. (2006). "Applying Computer Technology to Substance Abuse Prevention Science: Results of a

- Preliminary Examination.” *Journal of Child and Adolescent Substance Abuse*, 16(2).
- Masitah Zulkepli. (2011). *Pembangunan model penentuan keperluan perumahan*. Kajian kes: Johor Bahru, Malaysia. <http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/1708/>. 12 April 2021
- Mohd Aliff Mohd Nawi, Ezad Azraai Jamsari, Mohd Isa Hamzah, Adibah Sulaiaman, & Azizi Umar. (2012). The Impact Of Globalization On Current Islamic Education. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 6(8).
- Mastura Mohamad & Zakariah Md Som. (2014). *Sejauh manakah bebanan hidup belia?*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES) *Buletin Fakta*, 1/2014. <http://www.ippbm.gov.my/dokumen/buletin/edisi-i-mac-2014.pdf>. 21 April 2021
- Mohd Dahlan & Ida Safinaz Mohd Kamil. (2010). *Jenayah dan Masalah Sosial di Kalangan Remaja: Cabaran dan Realiti Dunia Siber*: Kertas Kerja Persidangan, Universiti Malaysia Sabah
- Mohamad Ibrani Shahrudin, Zainal Madon, Dayang Shobihah Abang Abai, Khadijah Muda. (2010). Kepenggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam kalangan Belia Orang Asli Di Temerloh, Pahang. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 3.
- Mohamad Idham Md Razak, Nur Elimtiyaz Abidin, Mohd Azmil Mohd Yusof, Siti Rosnita Sakarji & Khalijah Mohd Nor. (2014). Spending trends among youth in Malaysia. *Journal of Economics and Development Studies*, 2(1), 277-288.
- Mohamad Shaharudin, S., Mohd Yusof, H., Azima, A. M., Rosniza, A., Novel, L. & Mohd Fuad, M.J. (2012). Isu keselamatan dalam kesejahteraan komuniti ‘kampung dalam bandar’ di Bandaraya Alor Setar, Kedah Darul Aman. *GEOGRAFIA Malaysia Journal of Society and Space*, 8.
- Mohd Yusof, H., Mohamad Shaharudin, S., Suraiya, I. & Abd. Hair, A. (2011). Hubungan kejiranan dalam membentuk kualiti hidup masyarakat ‘kampung bandar’: Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 7(3).
- Muhammad Syazwan Ayub, Amirul Azha Rozali & Nurazmallail Marni. (2019). Media Sosial dan Kecanduan Penggunaan Menurut Islam. *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)*.
- Musa Abu Hassan. (2002). *Peranan dan penggunaan ICT di kalangan masyarakat*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia
- Nardi, B. A., Whittaker, S. Isaacs, E. & Creech, M. (2002). Integrating Communication And Information Through ContactMap. *Communication of the ACM*, 45(4).
- Nik Fakrulhazri Nik Hassan & Azemi Che Hamid. (2016). Tren Perbelanjaan Belia dan Hubungan dengan Kualiti Hidup. *Prosiding Perkem Ke-11*.
- Nor Azah Abdul Aziz & Che Zarina Saari. (2010). Menangani Permasalahan Laman Web Pornografi: Antara Perisian Penapis, Penguatkuasaan

- Undang-undang dan Amalan Spiritual. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1).
- Norbaidurah Ithnain, Shazli Ezzat Ghazali & Norrafizah Jaafar. (2018). Ketagihan Telefon Pintar Dalam Kalangan Mahasiswa. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 18.
- Nurul Hidayati Hamid, Abdul Razaq Ahmad & Mohd Mahzan Awang. (2015). Pengaruh Aktiviti Masa Senggang Dalam Memperkasaan Modal Insan Dan Meningkatkan Kualiti Hidup Belia. *Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education*.
- Peraman, R. & Parasuraman, S. (2016). Mobile phone mania: Arising global threat in public health. *Journal of Natural Science, Biology and Medicine*, 7(2).
- Peterson, H. (2015). How teens are spending money, what they like, and where they shop. <http://www.businessinsider.my/how-teens-are-spending-money-2015-4/#OfHuMrJmaKA5lSxq.99>. 25 April 2021
- Ribka Alan., Md. Salleh, H., Musa Abu, H. & Philip, L. (2009). Tahap Keperluan Maklumat Dan Kredibiliti Sumber Maklumat Teknologi Pertanian Dalam Kalangan Pekebun Kecil Lada Hitam Di Kawasan Luar Bandar. Dalam Samah, B.A., Uli, J., and Alavi, K. (eds.) *Media Dan Pengembangan Pertanian: Kearah Memperkasakan Komuniti Luar Bandar* (pp. 121-137). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Rice. 2015. *Online Addiction*. Beijing Review, 48(46)
- Roberts, J.M. (1999). *Distance education cost consultancy: A model for UWI*. Cave Hill, Barbados: The University of the West Indies.
- Rogers, E.M. (1986). *Communication Technology*. New York: The Free Press
- Shapira, N. A., Goldsmith, T. G., Keck, P. E., Jr., Khosla, U. M., & McElroy, S. L. (2000). Psychiatric Features of Individuals with Problematic Internet Use: *Journal of Affective Disorders*. Vol 57
- Shariffah Mamat. (2014). Keperluan vs. kehendak belia. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES) *Buletin Fakta*, 1/2014, 1, <http://www.ippbm.gov.my/dokumen/buletin/edisi-i-mac-2014.pdf> . 21 April 2021
- Siti Ezaleila Mustafa. (2016). Penggunaan Laman Sosial Dan Impaknya Terhadap Hubungan Persahabatan Dalam Talian. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(2)
- Siti Norain Amir, Siti Hawa Johari, & Kamarul Azmi Jasmi. (2015). *Gugatan Akidah: Bertawakal kepada Selain Allah SWT*. Seminar Pemantapan Akidah 2015.
- Syed Shah Alam, Nik Mohd Hazrul Nik Hashim, Maisarah Ahmad, Che Aniza Che Wei, Sallehuddin Mohd Nor & Nor Asiah Omar. (2014). Negative and Positive Impact of Internet Addiction on Young Adults: Empericial Study in Malaysia. *Intangible Capital*, 10(3).
- Thierry, P., Nicolas, P. & Raphael, S. (2013). Does the internet make people happier?. *Journal of Socio Economics*, 46.
- Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan, Mansor Mohd Noor, Wan Shahzinda Shah Wan Shahar & Wan Suraya Wan Hassin. (2016). *Indeks*

- Kesejahteraan Hidup Dalam Masyarakat Kepelbagaian: Kajian Dalam Kalangan Pelajar IPTA*. Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICoMM).
- Unit Perancang Ekonomi. (2011). Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2011. Putrajaya. Jabatan Perdana Menteri
- Unit Perancang Ekonomi. (2013). Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013. Putrajaya. Jabatan Perdana Menteri.
- Ventegodt, S., Merrick, J. & Anderson, N. J. (2003). Quality Of Life Theory. The IQOL Theory: An Integrative Theory of The Global Quality Of Life Concept. *The Scientific World Journal*, 3.
- Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkruddin, Mohamad Yusoff, Ahmad Arifin Sapar. (2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1).
- WHO. (2015). *Public Health Implications of Excessive Use of the Internet, Computers, Smartphones and Similar Electronic Devices*. Meeting report, Main Meeting Hall, Foundation for Promotion of Cancer Research National Cancer Research Centre, Tokyo, Japan 27-29 August 2014.
- William, B. & Haris, A.W. (2013). Kesejahteraan hidup masyarakat luar Bandar yang terlibat dalam Skim Ikhtiar Malaysia (AIM) di Daerah Telupid, Sabah. *Prosiding Perkem*, 3(2).
- Yang, C., Brown, B.B. & Braun, M. T. (2013). From Facebook To Cell Calls: Layers Of Electronic Intimacy In College Students' Interpersonal Relationships. *New Media & Society*, 16(1).
- Yazid Saleh, Hanifah Mahat, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan & Saiyidatina Balkhis Norkhaidi. 2020. Perbezaan kualiti hidup penduduk berdasarkan ciri demografi di pusat petempatan kecil: Kajian kes daerah Muallim, Perak, Malaysia. *EDUCATUM – Journal of Social Science (EJOSS)*, 6(1).
- Young, K. S. 2004. Internet addiction: A new clinical phenomenon and its consequences. *American Behavioral Scientist*, 48(4).
- Zaimah R, Sarmila MS, Azima AM, Suhana S, Mohd Yusof H & Lyndon N. (2012). Kualiti Hidup Dan Kesejahteraan Belia: Kajian Ke Atas Pekerja Sektor Awam Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(6).